

162

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA 2018, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DR TAN SENG GIAW**
KAWASAN : **KEPONG**
TARIKH : **28 MAC 2018**
NO. SOALAN : **466**

SOALAN

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan pembangunan industri dan daya saing negara terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembangunan industri di Malaysia telah melalui fasa yang progresif dari zaman selepas merdeka bagi hingga kini. Hasil daripada pembangunan industri ini boleh dilihat pada hari ini dalam pelbagai bentuk seperti kemajuan infrastruktur; peluang pekerjaan dalam kegiatan ekonomi yang pelbagai; dan peningkatan pendapatan negara.

2. Pada tahun 2017, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bertumbuh 5.9% (2016: 4.2%) yang mana sektor perkhidmatan dan pembuatan merupakan antara pengeluar utama yang menyumbang kepada ekonomi negara. Sektor perkhidmatan

menyumbang 54.8% kepada KDNK negara manakala sektor pembuatan menyumbang sebanyak 22.8%.

3. Menurut *The Global Manufacturing Competitiveness Index* oleh Deloitte Touche Tohmatsu, Malaysia berada pada tangga ke tujuh belas (17) daripada empat puluh (40) buah negara dan disasarkan akan naik empat (4) anak tangga menjelang 2020. Selain itu, hasil kajian World Economic Forum dan ATKearney dalam *Readiness for the Future of Production Report 2018* menekankan bahawa Malaysia berada dalam posisi baik untuk memperoleh manfaat melalui Industri 4.0.

4. Meskipun kedudukan sektor pembuatan adalah kukuh, terdapat tiga (3) tren utama yang mampu mengganggu gugat kedudukan daya saing Malaysia iaitu:

- (i) Perubahan geografi lokasi pengeluaran dalam rantaian nilai global;
- (ii) Sumber kelebihan daya saing (*competitive advantage*) sesebuah negara adalah berlandaskan tenaga kerja berkualiti dan produktiviti tinggi dan bukannya kos tenaga kerja rendah; dan
- (iii) Teknologi terkini mengganggu dan berganjak ke perubahan model pengeluaran yang berasaskan teknologi.

5. Bagi memastikan sektor pembuatan dan perkhidmatan Malaysia terus berdaya saing di peringkat serantau dan global, Kerajaan akan merealisasikan Transformasi Industri 4.0 sebagai langkah mengekalkan daya saing sektor tersebut. Justeru Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan melancarkan Dasar Nasional Industri 4.0 pada suku kedua tahun ini. Dasar tersebut akan memberi

fokus kepada tiga belas (13) strategi khusus yang mana Kerajaan bertindak sebagai pemangkin dalam lima (5) bidang iaitu:

- (i) Pembiayaan;
- (ii) Infrastruktur;
- (iii) Peraturan-peraturan;
- (iv) Kemahiran dan kebolehan; serta
- (v) Teknologi.

Tuan Yang di-Pertua,

6. MITI memberi fokus kepada tiga laporan daya saing dunia iaitu:

- (i) Global Competitiveness Report (GCR) yang diterbitkan oleh World Economic Forum (WEF);
- (ii) World Competitiveness Yearbook yang diterbitkan oleh International Institute for Management Development (IMD); dan
- (iii) Ease of Doing Business yang diterbitkan oleh World Bank.

7. Global Competitiveness Report (GCR) 2017-2018 yang diterbitkan oleh World Economic Forum (WEF) meletakkan Malaysia di kedudukan ke-23 di kalangan 137 ekonomi, meningkat dua kedudukan (GCR 2016-2017: ke-25) daripada 138 ekonomi. Laporan ini menilai faktor-faktor yang membolehkan negara mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran dalam jangka panjang melalui 12 teras daya saing yang melibatkan 114 kriteria iaitu Institusi, Infrastruktur, Persekitaran Ekonomi Makro, Kesihatan dan Pendidikan Rendah, Pendidikan Tinggi dan Latihan, Kecekapan Pasaran Barangan, Kecekapan Pasaran Buruh, Pembangunan Pasaran Kewangan, Kesediaan Teknologi, Saiz Pasaran, Kecanggihan Perniagaan dan Inovasi.

8. Dalam laporan *World Competitiveness Yearbook (WCY) 2017* yang diterbitkan oleh *Institute for Management and Development (IMD)*, Malaysia berada di kedudukan ke-24 daripada 63 negara berbanding kedudukan ke-19 daripada 61 negara pada 2016. Laporan ini mengukur daya saing sesebuah negara berdasarkan indeks daya saing yang terdiri daripada 4 input faktor iaitu Prestasi Ekonomi, Kecekapan Kerajaan, Kecekapan Perniagaan dan Infrastruktur.

9. Manakala, laporan *Doing Business (DB) 2018* oleh Bank Dunia merekodkan Malaysia berada di kedudukan ke-24 daripada 190 buah ekonomi, mencatatkan perubahan sebanyak 1 kedudukan dari tahun sebelumnya (DB 2017: ke-23). Laporan ini mengukur indikator-indikator yang merangkumi keseluruhan kitaran perniagaan melibatkan 11 bidang yang berkaitan dengan urusan menjalankan perniagaan iaitu Memulakan Perniagaan, Urusan Permit Pembinaan, Kemudahan Bekalan Elektrik, Pendaftaran Hartanah, Mendapatkan Kredit, Perlindungan ke atas Pelabur Minoriti, Pembayaran Cukai, Perdagangan Rentas Sempadan, Penguatkuasaan Kontrak, Penyelesaian Insolvensi dan Peraturan Pasaran Buruh.

10. Prestasi Malaysia dalam laporan-laporan tersebut membuktikan bahawa Malaysia masih mampu mengekalkan keyakinan pelabur. Kerajaan akan terus berusaha supaya negara ini kekal sebagai destinasi perniagaan yang menarik dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.